

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (SUKAN MASUM).

2. PENGELOLA

2.1 Sukan MASUM ini dikelolakan oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama dari semua Universiti Awam di Malaysia yang bergabung dengan MASUM.

2.2 Bagi maksud pengelolaan, MASUM bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti Sukan kepada mana-mana ahli MASUM atau satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh MASUM.

2.3 Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan Sukan MASUM kepada badan/persatuan sukan/orang perseorangan yang terlibat dalam pengelolaan Sukan MASUM.

3. SUKAN WAJIB DAN SUKAN PILIHAN MASUM

3.1 Sukan wajib dan sukan pilihan adalah ditentukan oleh ahli majlis MASUM

3.2 Sukan Wajib adalah seperti berikut:

- 3.2.1 Badminton
- 3.2.2 Bola Jaring
- 3.2.3 Bola Keranjang
- 3.2.4 Bola Sepak
- 3.2.5 Bola Tampar
- 3.2.6 Hoki
- 3.2.7 Karate
- 3.2.8 Olahraga
- 3.2.9 Memanah
- 3.2.10 Ping Pong
- 3.2.11 Ragbi
- 3.2.12 Renang
- 3.2.13 Silat
- 3.2.14 Takraw
- 3.2.15 Taekwondo

3.3 Sukan Pilihan adalah seperti berikut:

- 3.3.1 Basikal
- 3.3.2 Bola Baling
- 3.3.3 Catur
- 3.3.4 Futsal
- 3.3.5 Golf
- 3.3.6 Bola Tampar Pantai
- 3.3.7 Lawn Bowls
- 3.3.8 Orientering
- 3.3.9 Petanque
- 3.3.10 Skuasy
- 3.3.11 Sofbol
- 3.3.12 Tennis
- 3.3.13 Tenpin Bowling

4. KELAYAKAN

- 4.1 Semua Universiti Awam di Malaysia yang bergabung dengan MASUM dan pasukan jemputan MASUM layak menyertai Sukan MASUM.
- 4.1.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di Universiti Awam Malaysia.
- 4.1.2 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Univesiti masing-masing.
- 4.1.3 Hanya Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, Matrikulasi dan Kursus Asasi yang diuruskan oleh universiti berkenaan dibenarkan mengambil bahagian.
- 4.1.4 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili universiti sehingga semester baru dibuka (kecuali semester khas).
- 4.2 Peserta program pertukaran pelajar (Student Exchange):
- 4.2.1 Pelajar perlu berdaftar mengikuti program tersebut sekurang-kurangnya 3 bulan di IPT serta mempunyai VISA/permit belajar yang telah diluluskan.
- 4.2.2 Pelajar perlu berada di Malaysia 14 hari berturut-turut sebelum tarikh kejohanan.
- 4.2.3 Setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftar maksimum 10 orang pelajar 'student exchange' dengan mengambil kira seperti berikut:
- 4.2.3.1 Bagi acara individu, atlet tersebut dibenarkan menyertai 2 acara sahaja.
- 4.2.3.2 Bagi acara berpasukan setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftar seramai 2 orang atlet sahaja bagi permainan berkenaan.
- 4.3 Seseorang pemain, pegawai atau pasukan yang digantung permainannya oleh badan-badan dibawah tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini sepanjang tempoh penggantungan.
- 4.3.1 Universiti Awam di Malaysia
- 4.3.2 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- 4.3.3 Persatuan Permainan Negeri
- 4.3.4 Persatuan Permainan Kebangsaan

5. KAD AKREDITASI

- 5.1 Semua pasukan dimestikan menggunakan borang pendaftaran yang dikeluarkan oleh pihak pengelola.
- 5.2 Salinan Borang Pendaftaran Pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah atau Ketua Pusat/Unit Sukan beserta pengesahan Akdemik Pelajar perlu diserahkan kepada Jawatakuasa Akreditasi (TAC) sebelum mengambil Kad Akreditasi.

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



- 5.3 Setiap pasukan dimestikan menyerahkan borang pendaftaran/kelayakan akademik pasukan, borang pengesahan peserta (I – Form), salinan kad pelajar, salinan kad pengenalan/passport dan VISA / permit belajar kepada Jawatankuasa TAC semasa mengambil Kad Akreditasi.
- 5.4 Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad pelajar sepanjang Sukan MASUM dijalankan.
- 5.5 Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kad pelajar untuk disemak oleh jawatankuasa teknikal dan pertandingan pada bila – bila masa disepanjang tempoh kejohanan.
- 5.6 Hanya pemain yang berdaftar didalam borang pengesahan atlit mengikut permainan sahaja layak mengambil bahagian.
- 5.7 Sebarang pertukaran pemain selepas tarikh tutup pendaftaran individu akan dikenakan denda seperti berikut:
 - 5.7.1 Selepas tarikh tutup pendaftaran individu akan dikenakan sebanyak RM10
 - 5.7.2 Seminggu sebelum tarikh akhir pertukaran iaitu pertukaran pemain yang mengalami kecederaan akan dikenakan denda sebanyak RM20 dengan disertakan pengesahan perubahan dari pihak Pusat Kesihatan Universiti/Hospital Kerajaan/ Klinik Kerajaan.
 - 5.7.3 Tarikh akhir pertukaran pemain bagi perkara 4.7.2 adalah dua hari sebelum taklimat pengurus – pengurus pasukan atau tarikh yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa pengelola.
 - 5.7.4 Kad yang hilang / rosak akan dikenakan denda sebanyak RM20 bagi setiap penggantian kad yang baru.
 - 5.7.5 Semua bayaran hendaklah dibuat secara tunai kepada Jawatankuasa Akreditasi

6. BILANGAN PEGAWAI/PESERTA

Bilangan pegawai dan peserta adalah mengikut peraturan permainan sukan berkenaan.

7. REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL

- 7.1 Pengadil bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi tiap-tiap permainan.
- 7.2 Ketua Pengadil atau Pengadil yang bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola sepanjang pertandingan dijalankan bagi semua permainan yang dipertandingkan.
- 7.3 Segala keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang bantahan terhadap keputusan pengadil tidak akan dilayan.

8. PAKAIAN

- 8.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.
- 8.2 Jika kedua-dua pasukan memakai pakaian yang sama warnanya, pasukan pelawat yang tercatat dalam jadual pertandingan mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya atau mengikut peraturan permainan berkenaan.
- 8.3 Peserta wanita dibenarkan memakai pakaian yang bersesuaian mengikut keperluan permainan.

9. PERALATAN

- 9.1 Semua jenis peralatan permainan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM dan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 9.2 Semua peralatan dan venue pertandingan akan disediakan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dan mengikut spesifikasi yang dibenarkan.
- 9.3 Pengelola Sukan MASUM hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan MASUM jenis-jenis kemudahan padang atau gelanggang yang digunakan semasa kejohanan.

10. SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1 Sesuatu pertandingan hanya dapat dijalankan atau diadakan sekiranya terdapat minima 6 pasukan dari pasukan berlainan bagi sukan wajib dan minima 9 pasukan dari pasukan berlainan bagi sukan pilihan yang mengambil bahagian. Sistem pertandingan akan dijalankan secara Liga dan/atau Kalah Mati. Manakala bagi acara individu, pertandingan hanya akan dijalankan sekiranya terdapat minima 6 penyertaan pasukan berlainan bagi sukan wajib dan minima 9 penyertaan dari pasukan berlainan bagi sukan pilihan atau mengikut peraturan sukan berkenaan.
- 10.2 Jika ada penarikan diri setelah majlis undian rasmi, pertandingan akan dijalankan walaupun terdapat penyertaan dibawah minimum 6 pasukan berlainan mengikut ketetapan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM.
- 10.3 Undian kumpulan dan jadual pertandingan:

Undian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM dan susunan jadual pertandingan akan dibuat mengikut format yang ditetapkan.

10.4 Cara Dua (2) Kumpulan

10.4.1 Pusingan Awal

- 10.4.1.1 Sekiranya enam (6) pasukan atau lebih mengambil bahagian pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) Kumpulan A dan B dan pertandingan akan dijalankan secara Liga.
- 10.4.1.2 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 dan Tempat Ke-4 akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2 atau B2.
- 10.4.1.3 Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



mana-mana kumpulan dengan hanya dua (2) pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.

10.4.2 Pusingan Separuh Akhir

9.2.2.1 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ditempatkan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan X dan Y seperti berikut :-

Kumpulan X	Kumpulan Y
Johan Kumpulan A	Johan Kumpulan B
Naib Johan Kumpulan B	Naib Johan Kumpulan A

10.4.3 Pusingan Akhir

Pemenang Kumpulan X akan melawan Pemenang Kumpulan Y untuk menentukan Johan dan Naib Johan.

10.5 Cara Tiga (3) Kumpulan

10.5.1 Pusingan Awal

10.5.1.1 Sekiranya penyertaan terdiri daripada sembilan (9) pasukan, pertandingan akan dijalankan secara liga tiga kumpulan A, B dan C.

10.5.1.2 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1 dan Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1.

10.5.1.3 Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dengan hanya dua (2) pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.

10.5.2 Pusingan Kalah Mati.

10.5.2.1 Pusingan kalah mati akan mengikut undian yang dijalankan.


10.5.2.2 Johan kumpulan A dan Johan B akan dipisahkan di bahagian atas dan bawah di dalam carta kalah mati.

10.5.2.3 Johan kumpulan A, B dan C akan diundi di kedudukan 1, 6 dan (X). (X) akan mewakili kedudukan 3 atau 4. Johan kumpulan A akan diberi keutamaan untuk membuat cabutan undi terlebih dahulu. Sekiranya johan kumpulan A berada di kedudukan atas carta kalah mati, maka johan kumpulan B akan berada di bawah carta kedudukan 4 atau 6. Jika johan kumpulan A berada di kedudukan bawah carta kalah mati, maka johan kumpulan B akan berada di atas carta kedudukan 1 atau 3.

10.5.2.4 Naib johan kumpulan A, B dan C akan dipisahkan di bahagian atas atau

bawah di dalam carta kalah mati agar tidak bertemu dengan johan kumpulan masing-masing.

10.5.2.5 Naib johan kumpulan A, B dan C akan diundi di kedudukan 2, 5 dan (X). (X) akan mengundi untuk kedudukan 3 atau 4.



10.6 Cara Empat (4) Kumpulan.

10.6.1 Pasukan akan dibahagikan kepada empat (4) kumpulan (A, B, C dan D).

10.6.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan.

10.6.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1, Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.

10.6.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir Sukan MASUM pada tahun sebelumnya akan diundi untuk mengisi kedudukan A2, B2, C2 atau D2.

10.6.5 Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dengan hanya dua (2) pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.

10.6.6 Lapan (8) pasukan akan dipilih untuk bertanding dalam Pusingan Suku Akhir mengikut undian yang akan dijalankan seperti carta kalah mati berikut:-

10.6.7 Pusingan Kalah Mati.


10.6.7.1 Pusingan kalah mati akan mengikut undian yang dijalankan.

10.6.7.2 Johan kumpulan A dan Johan B akan dipisahkan di bahagian atas dan bawah di dalam carta kalah mati.

10.6.7.3 Johan kumpulan A dan B akan diundi dikedudukan 1 atau 4 dibahagian atas carta kalah mati dan 5 atau 8 di bahagian bawah carta kalah mati. Sekiranya johan kumpulan A diundi di kedudukan 1 atau 4 maka johan kumpulan B akan diundi di kedudukan 5 dan 8 atau sebaliknya.

10.6.7.4 Johan kumpulan C dan D diundi di kedudukan 1, 4, 5 atau 8 selepas undian bagi johan kumpulan A dan B.

10.6.7.5 Naib johan kumpulan A, B, C dan D akan dipisahkan di bahagian atas atau bawah di dalam carta kalah mati agar tidak bertemu dengan johan kumpulan masing-masing dikedudukan 2, 3, 6 atau 7.



10.7 Cara Lima (5) Kumpulan

10.7.1 Pasukan akan dibahagikan kepada (5) kumpulan (A,B,C,D dan E).

10.7.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan.

10.7.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1 dan Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.

10.7.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2, B2, C2, D2, E1 atau E2.

10.7.5 Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dengan hanya dua (2) pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



10.7.6 Sepuluh (10) pasukan akan dipilih untuk pertandingan dalam Pusingan Kedua mengikut undian yang dijalankan seperti carta kalah mati berikut.

10.7.7 Pusingan Kalah Mati.


10.7.7.1 Pusingan kalah mati akan mengikut undian yang dijalankan.

10.7.7.2 Johan kumpulan A dan Johan B akan dipisahkan di bahagian atas dan bawah di dalam carta kalah mati.

10.7.7.3 Johan kumpulan A dan B akan diundi dikedudukan 1, 5 atau (X) dibahagian atas carta kalah mati dan 6, 10 atau (X) di bahagian bawah carta kalah mati. (X) mewakili kedudukan 4 atau 7. Sekiranya johan kumpulan A diundi di kedudukan 1, 5 atau (X) maka johan kumpulan B akan diundi di kedudukan 6 atau 10 atau (X). Sekiranya johan kumpulan A diundi dikedudukan 6, 10 atau (X) maka johan kumpulan B diundi dikedudukan 1 atau 5 atau (X).

10.7.7.4 Johan kumpulan C, D dan E diundi di kedudukan 1, 5, 6, 10 atau (X) selepas undian bagi johan kumpulan A dan B.

10.7.7.5 Naib johan kumpulan A, B, C, D dan E akan dipisahkan di bahagian atas atau bawah di dalam carta kalah mati agar tidak bertemu dengan johan kumpulan masing-masing dikedudukan 2, 3, 8, 9, atau (X).



PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti




10.8 Cara Enam (6) Kumpulan

- 10.8.1 Pasukan akan dibahagikan kepada (6) kumpulan (A,B,C,D,E dan F).
- 10.8.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan.
- 10.8.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1 dan Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.
- 10.8.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2, B2, C2, D2, E1 atau F1.
- 10.8.5 Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dengan hanya dua (2) pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.
- 10.8.6 Dua belas (12) pasukan akan dipilih untuk pertandingan dalam Pusingan Kedua mengikut undian yang dijalankan seperti carta kalah mati berikut:-
 - 10.8.7 Pusingan Kalah Mati.
 - 10.8.7.1 Pusingan kalah mati akan mengikut undian yang dijalankan.
 - 10.8.7.2 Johan kumpulan A dan Johan B akan dipisahkan di bahagian atas dan bawah di dalam carta kalah mati.
 - 10.8.7.3 Johan kumpulan A dan B akan diundi dikedudukan 1, 6, atau (X) dibahagian atas carta kalah mati dan 7, 12 atau (Y) di bahagian bawah carta kalah mati. (X) mewakili kedudukan 3 atau 4 manakala (Y) mewakili kedudukan 9 atau 10. Sekiranya johan kumpulan A di undi di kedudukan 1, 6 atau (X) maka johan kumpulan B akan diundi di kedudukan 7, 12 atau (Y) atau sekiranya johan kumpulan A diundi dikedudukan 7, 12 atau (Y) maka johan kumpulan B diundi dikedudukan 1, 6 atau (X).
 - 10.8.7.4 Johan kumpulan C, D, E dan F diundi di kedudukan 1, 6, 7, 12, (X) atau (Y) selepas undian bagi johan kumpulan A dan B.
 - 10.8.7.5 Naib johan kumpulan A, B, C, D, E dan F akan dipisahkan di bahagian atas atau bawah di dalam carta kalah mati agar tidak bertemu dengan johan kumpulan masing-masing dikedudukan 2, 5, 8, 11, (X) atau (Y).

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



11. FORMAT BAGI SISTEM LIGA KUMPULAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

JUMLAH PASUKAN	JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN	
	KUMPULAN	FORMAT
5	Liga 1 Kumpulan	Liga
6	2	3,3
7	2	3,4
8	2	4,4
9	3	3,3,3
10	3	3,3,4
11	3	3,4,4
12	4	3,3,3,3
13	4	3,3,3,4
14	4	3,3,4,4
15	5	3,3,3,3,3

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



16	5	3,3,3,3,4
17	5	3,3,3,4,4
18	6	3,3,3,3,3,3
19	6	3,3,3,3,3,4
20	6	3,3,3,3,4,4

11.1 Undian dan Jadual Pertandingan

11.1.1 Undian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM dan susunan jadual pertandingan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM.

11.1.2 Pemberian Mata

Menang - 3	Seri - 1	Kalah - 0
------------	----------	-----------

11.1.3 Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai sistem pemberian mata sendiri.

12. KELEWATAN

- 12.1 Senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada meja urusetia permainan sebelum masa perlawanan bermula.
- 12.2 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.
- 12.3 Hukuman kepada pasukan yang lewat mengikut jadual yang telah ditetapkan akan mengikut peraturan permainan berkenaan.

13. PENANGGUHAN

- 13.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/jadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 13.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.
- 13.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

14. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 14.1 Setiap pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 14.2 Jika berlaku kecederaan sebelum perlawanan dan pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Tuan Rumah/Jawatankuasa Pengelola.

15. BANTAHAN

- 15.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pengurus pasukan dan disahkan oleh Pegawai Unit/Pusat Sukan Universiti berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut masa yang ditetapkan oleh permainan tersebut dengan disertakan wang tunai sebanyak RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) sebagai cagaran dan yuran proses.
- 15.2 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan MASUM sekiranya bantahan itu tidak diterima.
- 15.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM 200.00 sahaja akan dikembalikan dan RM 50.00 menjadi yuran proses.
- 15.4 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.
- 15.5 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah kepada Jawatankuasa Bantahan.

16. JAWATANKUASA BANTAHAN

- 16.1 Jawatankuasa bantahan terdiri daripada 5 orang seperti berikut:-
 - 16.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MASUM atau wakil dari kalangan ahli MASUM.
 - 16.1.2 Pengerusi Permainan MASUM atau Penyelaras Teknikal Permainan MASUM berkenaan.
 - 16.1.3 Tiga orang Pengurus Pasukan permainan berkenaan yang berkecuali.

17. JAWATANKUASA JURI RAYUAN

- 17.1 Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Juri Rayuan yang terdiri Tiga (3) orang – minimum atau Lima (5) orang – maksimum daripada sekurang-kurangnya 3 buah universiti yang berbeza. Ahli-ahli hendaklah terdiri:-
 - 17.1.1 Pengerusi MASUM atau timbalan pengerusi I atau timbalan pengerusi II atau setiausaha Agung MASUM atau Penolong Setiausaha Agung I.
 - 17.1.2 Pengerusi Jawatankuasa Bantahan.
 - 17.1.3 3 orang Ahli Majlis MASUM yang berkecuali .

18. JAWATANKUASA TINDAKAN TATATERTIB

- 18.1 Sebarang perkara yang melibatkan kesalahan tatatertib akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib di bawah MASUM.

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



18.2 Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada 5 orang seperti berikut :-

18.2.1 Pengerusi MASUM atau timbalan pengerusi I atau timbalan pengerusi II atau setiausaha Agung MASUM atau Penolong Setiausaha Agung I.

18.2.2 Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan MASUM atau wakilnya.

18.2.3 3 orang Ahli Majlis MASUM yang berkecuali.

19. DENDA DAN HUKUMAN

19.1 Mana-mana universiti yang mendaftarkan pemain yang tidak layak bermain akan diambil tindakan seperti berikut :

19.1.1 Penyertaan pada kejohanan tersebut akan dibatalkan.

19.1.2 Penyertaan pada tahun berikutnya akan digantung selama 1 tahun.

19.1.3 Penarikan diri pasukan setelah jadual pertandingan dibuat akan menyebabkan pasukan tersebut digantung penyertaan pada tahun berikutnya bagi acara yang berkenaan sahaja (digantung 1 tahun).

19.1.4 Penarikan diri pasukan semasa pertandingan berlangsung akan menyebabkan penyertaan pada kejohanan tersebut akan dibatalkan dan penyertaan pada tahun berikutnya akan digantung bagi acara yang berkenaan sahaja (digantung 1 tahun).

20. SIJIL

Sijil Penyertaan SUKAN MASUM akan disediakan oleh MASUM dan akan diberi kepada semua peserta.

21. HADIAH

21.1 Hadiah akan disediakan oleh penganjur untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua, dan Ketiga sahaja atau mengikut tawaran pingat setiap permainan.

21.2 Hadiah kemenangan akan disediakan seperti berikut :-

21.2.1 Sekiranya 4 pasukan yang mengambil bahagian (ada pertandingan kedudukan 3 dan 4) hadiah akan disediakan untuk pemenang Johan, Naib Johan dan ketiga.

21.2.2 Sekiranya 4 pasukan yang mengambil bahagian (tiada pertandingan kedudukan 3 dan 4) hadiah akan disediakan untuk pemenang Johan dan Naib Johan.

21.2.3 Sekiranya 3 pasukan yang mengambil bahagian hadiah akan disediakan untuk Johan dan N. Johan.

PERATURAN AM SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kejemilangan Sukan Universiti



21.2.4 Sekiranya 2 pasukan yang mengambil bahagian hadiah akan disediakan untuk Johan sahaja.

21.2.5 Sekiranya 1 pasukan yang mengambil bahagian maka pertandingan tersebut dibatalkan.

22. PIALA PUSINGAN

22.1 Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab ke atas penjagaan Piala Pusingan.

22.2 Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab untuk memulangkan dan menyerahkan Piala Pusingan dalam keadaan yang baik kepada Jawatankuasa Pengelola 6 bulan selepas kejohanan tamat.

22.3 Sekiranya Piala Pusingan didapati rosak atau hilang semasa dalam simpanan pasukan yang menang, pasukan berkenaan hendaklah membaiki atau menggantikannya.

23. PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

23.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan TIDAK DIBENARKAN semasa taklimat Pengurus Pasukan.

23.2 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.

23.3 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan MASUM dan keputusannya adalah muktamad.